

17 DEC 1997

Megat-pasar raya

KERAJAAN UMUM EMPAT PASAR RAYA YANG TAWAR HARGA RENDAH

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Untuk membantu rakyat berjimat, kerajaan hari ini menamakan empat pasar raya sebagai antara yang benar-benar menjual barangan lebih murah daripada harga maksimum yang ditetapkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata pasar raya itu ialah Giant, Extra, Makro dan Carrefour, yang beroperasi di Lembah Klang dan ada antaranya yang mempunyai cawangan di negeri lain.

Beliau memberitahu pemberita di pejabatnya di sini bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengisytiharkan mana-mana pasar raya yang memberi manfaat kepada pengguna sebagai "pasar raya harga patut".

"Sehubungan ini, bahagian Penguatkuasa Perdagangan di peringkat pusat, negeri dan daerah akan melihat prestasi semua pasar raya dan kalau mereka benar-benar memanfaatkan pengguna, kita akan berikan," katanya.

Beliau berkata kementerian akan membantu memberi publisiti kepada pasar raya yang layak diberikan gelaran itu supaya ia menjadi pilihan pengguna.

Megat Junid berkata kabinet juga pada hari ini meluluskan kepada pengilang-pengilang susu untuk membeli olein minyak sawit pada harga yang sama yang diluluskan kepada pengilang-pengilang minyak masak.

Katanya jika pengeluaran minyak masak, yang menggunakan lebih 300,000 tan olein minyak sawit setahun, dapat membelinya dengan harga murah dan mengekalkan harga minyak masak, maka pengilang susu manis juga, yang menggunakan 48,000 tan olein itu setahun akan mendapat kemudahan yang sama untuk menstabilkan harganya.

Ketika mengulas laporan akhbar mengenai kegagalan rundingan pembelian gula antara Malaysia dgn Fiji, beliau berkata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri memaklumkan bahawa kerana harga gula mentah Fiji beberapa sen lebih mahal bagi setiap paun, maka Malaysia akan membelinya dari Australia.

Mengenai satu lagi laporan akhbar kononnya berlaku kenaikan dalam harga minyak diesel, beliau berkata laporan itu tidak tepat kerana terdapat dua cara minyak diesel dijual iaitu terus daripada syarikat minyak kepada pengguna industri dan melalui stesen-stesen minyak kepada pengguna.

"Harga diesel dan petrol di stesen-stesen minyak tidak naik kerana harganya kita kawal tetapi bagi pengguna industri yang membeli terus dari syarikat minyak, ia bergantung kepada harga yang dipersetujui antara mereka," katanya.

Megat Junid berkata beliau mendapat tahu bahawa harga diesel bagi pengguna industri memang naik sedikit daripada 57 sen seliter kepada 64 sen seliter yang dipersetujui kedua-dua pihak.

Beliau memberi amaran kepada semua pekedai supaya mematuhi tahap harga maksimum minyak masak yang ditetapkan oleh kerajaan berkuatkuasa semalam kerana kerajaan tidak akan menerima sebarang alasan bagi penjualan melebihi harga yang dibenarkan.

"Selain tindakan oleh kerajaan, pengguna sendiri hendaklah jangan membelinya di kedai yang menjualnya dengan harga yang lebih," katanya.

Katanya hasil operasi berterusan penstabilan harga yang dijalankan dari 1 hingga 13 Disember, bahagian penguatkuasa di seluruh negara telah merampas pelbagai barangan bernilai RM180,000 dalam 108 kes peniaga yang menyalahi pelbagai peraturan dan undang-undang.

Mengenai harga barangan keperluan harian seperti gula, tepung dan susu yang dikatakan naik sedikit di kawasan-kawasan Felde, beliau berkata peniaga menaikannya antara lima sen dan 10 sen kerana mereka memberikan kemudahan hutang kepada peneroka, yang kadang-kadang mengambil masa berbulan untuk membayarnya. -- BERNAMA

MNY MAI